



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan
Profesional dan
Pendidikan
Berterusan
(SPACE)

KENYATAAN MEDIA SEGERA

SPACE UTM ingin memaklumkan bahawa pihak kami tidak menganjurkan sebarang taklimat atau sesi penerangan Program UTM seperti yang mungkin telah dijalankan oleh mana-mana pihak.

Sebarang hebahan atau jemputan yang beredar berkemungkinan datang daripada agen pemasaran yang tidak mewakili penganjuran rasmi oleh SPACE UTM. Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa berhati-hati dan mendapatkan pengesahan melalui saluran rasmi sebelum menghadiri sebarang sesi.

Sebarang maklumat rasmi berkaitan program atau penawaran SPACE UTM akan disampaikan melalui saluran komunikasi rasmi kami. Untuk makluman, SPACE UTM akan turut serta dalam program Karnival Jom Masuk Universiti 2026 pada 18-19 April bertempat di Persada Johor International Convention Centre dan orang ramai dijemput untuk mendapatkan maklumat lanjut secara terus di platform tersebut.

Selain itu, permohonan kemasukan juga boleh dibuat secara terus melalui laman web rasmi kami di space.utm.my.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihatkan agar sentiasa merujuk kepada sumber rasmi bagi mengelakkan sebarang kekeliruan. Kerjasama semua pihak amat dihargai bagi memastikan maklumat yang tepat dan sahih sahaja disebarikan.

Sekian, terima kasih.

BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT
SPACE UTM
Tarikh : 5 APRIL 2026

#TAMAT